

ORIENTASI PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR UUM - UMS



Sehubungan dengan pementerian memorandum persefahaman pertukaran pelajar di antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) seramai 12 orang pelajar kumpulan pertama dari UUM akan mengikuti pengajian bagi semester 2, 2010/2011. Pertukaran pelajar itu melibatkan 2 orang (Keusahawanan) 5 orang (Pemasaran) 3 orang (Perakaunan) dan 2 orang (Pentadbiran Perniagaan). Sehubungan dengan itu satu sesi orientasi dan taklimat akademik telah berlangsung pada 3 Januari 2010 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama yang di hadiri oleh Dekan, Timb. Dekan serta ketua-ketua program terlibat.. Sebelum itu dalam ucapan alu-aluan, Dekan SPE, Prof Madya Dr.Hjh Asrsiah Bahron mengucapkan syabas kepada para pelajar yang bersedia menyahut cabaran dating ke UMS menjadi pelajar perintis pertukaran pelajar kedua-dua buah universiti UMS-UUM. Menurut beliau lagi, melalui cara ini akan dapat memberi pengalaman dan nilai tambah yang lebih baik kepada para pelajar terlibat. Sehubungan dengan itu, seramai 4 orang pelajar SPE (1 pelajar jurusan Perakaunan dan 3 orang pelajar Program Keusahawanan) terpilih mengikuti program pertukaran pelajar selama 1 semester di Universiti Utara Malaysia.

